

13 SEP 2003

Mahathir-Adun

BN TARIK BALIK PENGGANTUNGAN DUA ADUN PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) telah menarik balik penggantungan dua Anggota Dewan Undangan (Adun) MCA Pulau Pinang berkuatkuasa serta merta, kata Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini

Penarikan balik penggantungan dua Adun MCA itu diterima oleh BN dan turut dipersetujui oleh Gerakan, katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini.

Dr Mahathir berkata dengan itu Adun Datuk Kramat Lim Boo Chang dan Adun Jawi Tan Cheng Liang boleh kembali aktif dalam parti dan BN.

Kedua-dua Adun itu digantung keanggotaan selepas mereka enggan mengundi menentang satu usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri bagi membantah projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) pada persidangan dewan itu November lepas.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada BN akan menguatkuasakan peraturan tidak boleh lompat parti bagi parti-parti komponen, Dr Mahathir berkata mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini turut menyentuh isu itu, tetapi parti-parti komponen bersepakat bahawa peraturan seumpama itu boleh menjejaskan gabungan itu dan ia tidak boleh dilaksanakan.

Mengenai kekuatan BN pada masa ini, beliau berkata BN kini lebih kuat daripada semasa pilihan raya umum 1999.

"Keadaan kini bertambah baik. Kita telah berjaya menyelesaikan banyak masalah dan kita fikir kita akan dapat menyelesaikan apa jua masalah yang kita mungkin hadapi bersama-sama dengan parti-parti komponen, lama sebelum pilihan raya umum (akan datang)," katanya.

Dr Mahathir berkata BN kini telah diterima dengan baik dan rakyat menghargai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan BN untuk negara.

"Saya fikir rakyat kini amat mesra terhadap BN dan saya fikir BN mempunyai peluang lebih baik pada kali ini berbanding pada 1999," katanya.

Bercakap mengenai perebutan kuasa di dalam Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), beliau berkata pucuk pimpinan BN tidak membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu dan akan menunggu keputusan Pendaftar Pertubuhan sebelum mengambil sebarang tindakan.

-- BERNAMA

SR MFJ RHM